PETA KABILAH ARAB





"Demi Allah yang tiada tuhan melainkan Dia, kalaulah tidak kerana Abu Bakar menjadi khalifah, nescaya Allah sudah tidak lagi disembah!"
- Abu Hurairah, Riwayat al-Baihaqi.

***

"Selepas Rasulullah pergi, kami berada dalam situasi pasti musnah jika tidak kerana Allah anugerahi kami dengan Abu Bakar.

Kami semua sependapat bahawa tidak patut kita berperang hanya kerana unta (zakat). Biarlah seluruh dunia Arab meratah kami dalam keadaan kami beribadah kepada Allah sehinggalah kami mati. Namun Allah meneguhkan Abu Bakar untuk tetap memerangi mereka!"
- Ibn Mas'ud, *Al-Kamil fi al-Tarikh*.


Ikuti tempoh penuh debaran dua tahun selepas pemergian Rasulullah SAW.

EKSKLUSIF

44 peta, carta, gambar dan garis masa menarik di dalam.

LUQMAN MAKHTAR LUQMAN MAKHTAR
Bekas pensyarah kolej komuniti dan mantan ketua editor di jabatan majalah Telaga Biru. Kini penulis buku sepenuh masa. Karya trilogi *Asam Garam Rumah Tangga Nabi SAW* sebelum ini mendapat sambutan. Sekali lagi menerusi novel ini beliau berkhidmat untuk sirah Nabi dan sahabat.

Sem. Malaysia: **RM35.00**
Sabah & Sarawak: **RM38.00**



9789671647578


Madinah: Takkan Rebah

Luqman Makhtar



Rasulullah wafat.
Madinah diserang.
Tanah Arab kembali murtad.
Bagaimana para sahabat
melepasi badai ini
tanpa Baginda.







Luqman Makhtar

MADINAH DI PERSADA DUNIA





Madinah: Takkan Rebah

Luqman Makhtar




KANDUNGAN

Laman Grafik 1	1
Babak 1 - 36	21
Laman Grafik 2	155
Babak 37 - 63	169
Garis-garis Masa	283
Senarai nama sahabat Nabi yang disebut dalam *Madinah Takkan Rebah*.	291
Rujukan	295
Dari Meja Penulis	299


LAMAN GRAFIK 1

Sebagai bantuan visual yang mengayakan lagi pengalaman membaca dan menjitukan pemahaman.


G1	–	Lakaran rumah Sayidatina Aisyah.
G2	–	Lagi lakaran rumah Sayidatina Aisyah.
G3	–	Lakaran mimbar Nabi.
G4	–	Rumah (خوخة) Abu Bakar di Masjid Nabi.
G5	–	Bayangan sekitar Masjid Nabi.
G6	–	Hubungan Abu Bakar dengan Rasulullah.
G7	–	Hubungan Ali dan Zubair dengan Nabi.
G8	–	Lagi bayangan sekitar Masjid Nabi.
G9	–	Lakaran saqifah.
G10	–	Lokasi Saqifah Bani Saaidah hari ini.
G11	–	12 naqib Ansar.
G12	–	Kabilah-kabilah Aus dan Khazraj.
G13	–	Hubungan Bani Najjar dengan Nabi.
G14	–	Kabilah-kabilah Quraisy.
G15	–	Kumpulan sahabat Nabi.
G16	–	Kerajaan-kerajaan Arab dalam sejarah.
G17	–	Peta kabilah sekitar Madinah.
G18	–	Kemunculan nabi-nabi palsu.
G19	–	Peta tentera Usamah ke Utara.



G2 - Lagi lakaran rumah Sayidatina Aisyah.



G12 – Kabilah-kabilah Aus dan Khazraj.



Subuh Terakhir

Isnin, 12 Rabiulawal, tahun 11 hijrah.

Sudah banyak hari Nabi tidak menjadi imam solat di masjid. Solat subuh pagi ini, Abu Bakar lagi yang menjadi imam. Jemaah semakin boleh terima keadaan.

Keadaan ini bermula sejak hujung bulan lepas. Bulan Safar. Mula-mula Nabi sakit kepala sahaja. Ketika itu Baginda baru pulang daripada suatu pengebumian di Baqi‘.

Baqi‘ dengan rumah Nabi dalam beberapa minit perjalanan sahaja. Nabi selalu ziarah ke Baqi‘. Bukan menunggu ada kematian, baru hendak ke sana. Banyak kalinya Nabi pergi pada waktu malam. Nabi berdoa dan beristighfar untuk semua warganya. Bertuah sesiapa yang dikebumikan di situ.

Pulang dari Baqi‘ hari itu, Nabi masuk ke rumah Aisyah dulu. Nabi mula rasa tidak selesa. Sakit kepala. Belum sempat Nabi mengadu, Aisyah dulu yang mengaduh, “Aduh, kepala saya!” *(Riwayat al-Bukhari)*

Manja benar dia. Umurnya 18 tahun ketika itu. Dia isteri yang paling Nabi sayang. Bukan kerana usia, bukan kerana rupa. Namun kerana petunjuk yang Esa, kerana jasanya untuk agama selepas Baginda tiada.

Isteri Nabi disebut ummulmukminin, bermaksud bonda orang beriman.

Nabi pun berkata, "Tak apa, jika awak mati dan saya masih hidup, nanti saya akan mohon ampun untuk awak. Saya doakan awak. *(Riwayat al-Bukhari)*

Saya akan uruskan jenazah awak. Saya akan mandikan awak, kafankan, solatkan dan kebumikan awak!" *(Riwayat Ahmad)*

Selamba sahaja.

"Aduh, Makin sakit saya! Memang awak suka kalau saya mati! Kalau saya mati, mesti pada hari itu juga awak berseronok-seronok dengan isteri awak yang lain!" *(Riwayat al-Bukhari)*


Aisyah geram. Kuat cemburunya. Nabi senyum sahaja. Faham benar perangai isterinya yang seorang ini.

"Sebenarnya saya pun sedang sakit kepala." *(Riwayat al-Bukhari)*

Sempat lagi Nabi bergurau dalam keadaan sakit begitu! Sakit Nabi bukan biasa-biasa. Demam, sakit kepala, sakit biasa-biasa pun beratnya dua kali ganda sakit manusia lain. Memang begitu takdir Allah buat kekasih-Nya.

Nabi menyambung, "Sekarang saya hendak hantar orang pergi beritahu Abu Bakar; Biarlah apa orang lain hendak kata atau hendak buat, saya katakan bahawa Allah enggan dan semua orang beriman menolak!" *(Riwayat al-Bukhari)*





Siapa Kata Nabi Mati?!

"Teruk juga Baginda pengsan." Kata Umar lagi. *(Riwayat Ahmad)*

Barangkali Umar rasa ralat kerana datang lewat. Seboleh-bolehnya dia hendak bertemu mata juga dengan Nabi sebelum berangkat. Selepas ini dia akan bersama-sama Usamah dalam satu misi jauh di luar Madinah.

Tidak mengapalah. Dapat menatap wajah Nabi sahaja pun cukup. Pulang nanti, harapnya dapat bersua lagi dengan Rasulullah. Mereka berdua pun keluar rumah.

Sebaik melangkah keluar dari rumah Aisyah, Mughirah berkata, "Umar, Rasulullah sudah tiada sebenarnya!" *(Riwayat Ahmad)*

Serta-merta Umar naik angin.

"Mengarut! Rupa-rupanya engkau pun terpengaruh dengan fitnah. Rasulullah tidak akan pergi sampailah Allah hapuskan puak munafik!" *(Riwayat Ahmad)*

Siapa yang tidak kenal Umar.

*****

Namun setiap yang bernyawa pasti mati. Pada penghujung waktu duha, Isnin, 12 Rabiulawal, Rasulullah pulang menghadap Allah buat selama-lamanya. Hari yang seawal fajar disinari mentari keceriaan kini mendung dilitup awan kedukaan. Rasulullah sudah tiada. Berita ini terus tersebar, secepat berita Baginda sudah sembuh pada pagi tadi.

Di dalam rumah Aisyah, jenazah Rasulullah dikelilingi para ummulmukminin dan ahli keluarga terdekat yang lain. Ummu Aiman segera mengutus orang untuk memberitahu Usamah. Usamah ketika itu berada di Jurf. Jaraknya dari masjid Nabi dalam empat kilometer.


Barangkali sekarang Usamah sedang bersiap-siap untuk bertolak, atau baru saja bertolak. Usamah ialah anak Ummu Aiman dengan Zaid bin Harithah, anak angkat Nabi. Ummu Aiman pula pengasuh Nabi sejak kecil. Nabi memanggilnya ibu.

Di luar rumah, masjid semakin dibanjiri manusia. Wajah-wajah hiba mengisi suasana. Ada yang menangis. Tidak kurang juga ada yang tidak menerima. Betulkah Nabi sudah tiada?

Belum tiba masanya Nabi pergi. Baru sahaja lagi Nabi berjaya kuasai Makkah. Baru sahaja lagi Islam menjadi agama utama tanah semenanjung ini. Baru sahaja lagi Nabi terima janji taat setia hampir semua kabilah Arab yang ada.

Buat pertama kali sejak lebih 600 tahun lalu, bangsa Arab bersatu di bawah satu negara, di bawah kepimpinan seorang ketua. Bahkan buat pertama kali mereka mula kembali kepada agama asli nenek moyang mereka; Nabi Ibrahim. Perjuangan baru hendak bermula.





7

Siapa Pengganti?

Ramai yang belum berganjak. Ada kepala yang masih tertunduk hiba. Ada mata yang belum berhenti airnya. Namun hati sudah mula bersaksi. Rasulullah sudah pergi.

Dalam ramai-ramai, ada salah seorang bersuara, "Sungguh, kami berangan-angan biarlah kami yang mati dulu. Kami takut dengan ujian setelah Nabi tiada!" *(Al-Bidayah wa al-Nihayah)*

Ramai mengangguk setuju. Namun Ma'an bin 'Adi menyanggah, "Tetapi aku, aku tidak mahu mati dulu sebelum Nabi. Aku hendak dukung Nabi selepas Baginda tiada sebagaimana aku dukung Baginda semasa masih hidup!" *(Al-Bidayah wa al-Nihayah)*

Ma'an orang Ansar. Antara tokoh mereka. Jika Ma'an yang sebut begitu, maka dia bukan cakap kosong. Semua peperangan dengan Nabi, dia ada. Dia ahli Badar. Bahkan sebelum itu, dia bersama lebih 70 orang ahli Baiah Aqabah. Mereka menjadi kabilah Arab pertama yang bersumpah setia akan membela Nabi dengan harta dan nyawa.

Kemudian Ma'an bangkit dan keluar dari masjid.

Sahabat-sahabat yang tadi masih dibuai dengan emosi mula tersedar. Mereka tidak boleh biarkan diri terus hanyut. Jika tidak,

nanti lemas tenggelam dipukul badai dan gelora kesedihan. Kapal perjuangan yang dilayarkan Nabi mesti terus dikemudi membelah lautan kehidupan. Berhenti bererti karam.

Kini negara Madinah, bagaimana?

Siapa yang akan menerajuinya selepas ini?

Siapa yang akan memimpin para sahabat mengisi wawasan yang ditinggalkan Nabi? Islam belum lagi sampai ke bumi Rom dan Parsi.

Abbas pun bangkit. Dia bertanya kepada orang ramai, "Sesiapa yang ada menerima sebarang amanat daripada Rasulullah sebelum Baginda wafat, sila beritahu sekarang!" *(Al-Bidayah wa al-Nihayah)*

Amanat yang dimaksudkan adalah tentang siapa pengganti Nabi untuk memimpin Madinah. Sebelum ini beberapa kali Abbas cuba mendapatkannya langsung daripada Nabi tetapi tidak berjaya.

Bukannya Abbas kemaruk jawatan. Tidak. Dia menjalankan tanggungjawabnya sebagai wali bagi keluarga Nabi. Dia sedar dirinya jauh daripada layak dari segi senioriti dalam hijrah. Dia berhijrah lambat. Cuma sebagai seorang yang sangat masak dengan dunia kepimpinan bangsa Arab sejak di Makkah, soal siapa menjadi ketua sangat mustahak.

Hidup mati Madinah yang baru berusia 10 tahun ini ada pada jawapan siapa pengganti Nabi! Abbas mahu melihat Madinah terus subur. Bahkan tiada siapapun yang rela melihat Madinah terkubur. Madinah itulah terjemahan agama yang dibawa oleh Rasulullah.

LAMAN GRAFIK 2

G20 – Peta Madinah zaman kemuncak.

G21 – Peta Madinah selepas Nabi wafat.

G22 – 2 Bangsa Arab.

G23 – Carta Arab Qahtan.

G24 – Carta Arab Adnan.

G25 – Carta Kabilah Qudaah.

G26 – Hubungan Usamah dengan Nabi.

G27 – Rukun Islam.

G28 – Kadar zakat.


G29 – Pecahan tentera Madinah.

G30 – Ancaman Tulaihah.


G31 – Pasukan Abu Bakar + Panglima 3 beradik.

G32 – Operasi Al-Riddah.


G33 – Sumber Harta Madinah dan Nabi.



G20 – Peta Madinah zaman kemuncak.




G25 - Carta Kabilah Qudaah



Catatan:

1. Rasulullah warisi Ummu Aiman daripada ayah, kemudian merdekakannya.
2. Khadijah hadiahkan Zaid kepada Rasulullah, kemudian merdekakannya dan menjadikannya anak angkat.

G26 – Hubungan Usamah dengan Nabi



Fatimah Marah

Abu Bakar enggan melakukan pembahagian harta tersebut. Atau lebih tepat, Abu Bakar tidak dapat melakukannya.

Mengapa pula? Itu harta suami mereka.

Abu Bakar menjelaskan bahawa harta Nabi tidak boleh diwarisi selepas kematiannya. Ini hukum khas ke atas Nabi, sebagaimana nabi-nabi terdahulu. Bermakna tidak terpakai hukum faraid terhadap harta yang ditinggalkan Nabi.

Para ummulmukminin terdiam. Berat untuk mereka terima. Itulah harta suami mereka. Ada nilai kenangan di situ. Namun bukan mereka tidak jangka.

Sebelum itu, ketika mereka hendak meminta Utsman menyampaikan hajat tadi, Aisyah sudah memberitahu, "Bukankah dulu Rasulullah pernah sebut, 'Kami para nabi tidak boleh mewariskan harta. Segala harta yang kami tinggalkan menjadi sedekah.'" *(Riwayat al-Bukhari)*

Itulah Aisyah. Lebihnya dia daripada madunya, dia banyak ingat kata-kata Rasulullah. Dia sangat minat ilmu. Ada sahaja soalan yang dia tanya kepada Nabi. Umat kemudian sangat berterima kasih kepadanya.

Harta Nabi tidak boleh diwarisi ahli keluarga. Bermakna segala harta peninggalan Nabi menjadi harta awam. Harta umat. Harta negara untuk di tadbir urus tadbir oleh khalifah selepas Baginda.

Kemudian Abu Bakar berkata, "Aku akan tanggung kehidupan semua pihak yang Nabi dulu tanggung!" *(Riwayat Tirmizi)*

Itu pasti. Abu Bakar pasti teruskan apa yang Nabi sudah buat dulu. Bahkan Abu Bakar tidak akan biarkan ahli keluarga kekasihnya melarat. Mereka pun senyap.

Tidak lama kemudian datang pula Fatimah, Ali dan Abbas. Mereka datang bersama-sama. Mereka datang untuk berjumpa Abu Bakar juga.

Rupa-rupanya Fatimah dan Abbas juga datang untuk menuntut perkara yang sama. Mereka berdua ahli waris yang mendapat bahagian yang lebih besar, sepatutnya, jika hukum faraid berlaku.

Jika para ummulmukminin berkongsi 1/8 bahagian harta pusaka Nabi, Fatimah sebagai anak perempuan tunggal yang tinggal bakal menikmati 4/8 bahagian! Selebihnya 3/8 bahagian diwarisi oleh Abbas!


Banyak!

Barangkali Fatimah sudah congak-congak separuh tanah Fadak untuknya. Bagaimanapun Abu Bakar terpaksa mengecewakannya.

Fatimah pun berkata, "Awakkah ahli waris Rasulullah, atau ahli keluarganya?" *(Riwayat Ahmad)*

"Sudah tentu ahli keluarganya," jawab Abu Bakar.





Serangan Malam

Masuk malam ketiga operasi *ribat*. Keenam-enam pasukan masih dengan kesiapsiagaan tertinggi mengawal *anqab* masing-masing.

Tiba-tiba musuh menjelma! Dari *anqab* mana, tidak direkodkan.

Kelibat musuh dikesan. Kelam malam membataskan penglihatan kedua-dua belah pihak. Namun musuh tetap melancarkan serangan. Mungkin serangan jarak jauh dengan anak panah.

Sahabat Nabi tidak berganjak dari situ. Mereka bertahan sambil menangkis dan membalas serangan. Seorang sahabat diutus pulang ke Madinah untuk melaporkan kepada Abu Bakar.

Sebaik menerima laporan tersebut, Abu Bakar pun mengutusnya kembali dengan arahan, “Pertahankan tempat kamu masing-masing. Jangan biar sampai musuh masuk ke tengah-tengah kota, sehingga mengganas di jalan-jalan umat Islam!” *(Al-Bidayah wa al-Nihayah)*

Abu Bakar mengarahkan pasukan pengawal supaya terus mempertahankan kedudukan mereka. Jangan mara ke depan

mengejar musuh. Jangan juga sampai berundur meninggalkan kawasan. Bertahan sehingga dia sendiri datang.

Lalu Abu Bakar membentuk satu pasukan daripada sahabat yang bermalam di masjid. Sebahagian sahaja. Mungkin dalam kalangan orang tempatan sahaja. Tidak melibatkan tentera bantuan dari luar lagi.

Cepat sahaja satu pasukan penunggang unta terbentuk. Lantas mereka memacu keluar dari Madinah. Abu Bakar di depan sekali. Dia sendiri yang ketuai. Pantas pasukan ini membelah kegelapan malam.

Di satu *anqab*. Pasukan pengawal di situ masih mantap mempertahankan kedudukan. Belum ada kemalangan jiwa lagi. Pihak musuh macam teragak-agak sahaja menyerang. Mungkin musuh tidak menyangka kedatangan mereka sudah diduga. Tidak lama kemudian, pasukan Abu Bakar sampai.

Abu Bakar mendapatkan gambaran situasi daripada sahabat yang berkawal. Selepas itu dia pun membawa pasukannya mara ke depan untuk menekan pihak musuh. Sedikit demi sedikit pihak musuh berundur. Akhirnya mereka melarikan diri dari situ. Mereka hilang ditelan kegelapan malam. Tidak ada mayat musuh dijumpai.

Abu Bakar berkumpul semula dengan semua sahabat di situ. Musuh sudah dikenal pasti. Sah! Memang daripada kabilah-kabilah yang datang ke Madinah tempoh hari. Kabilah Zubyan dan Absin serta lain-lain.

Angin malam tidak mampu menyejukkan semangat juang yang masih membara. Para sahabat sepakat untuk mengejar musuh. Tunjukkan bahawa kita bukannya lemah. Hanya bertahan, tunggu musuh datang menyerang.

Abu Bakar pun menggerakkan pasukan menjejaki musuh dalam keterbatasan malam. Penjejakan membawa mereka sampai di Zu Qussah.

Zul Qissah ialah sebuah kawasan berbukit dan berlereng berlembah. Abu Bakar menghentikan perjalanan seketika di situ. Kelibat musuh tidak kelihatan.

Namun berdasarkan bekas dan tanda, mereka masuk ke laluan berlereng di depan. Dicongak-congak, musuh belum jauh sangat ke depan. Masih sempat dikejar. Abu Bakar memutuskan untuk terus menjejaki musuh. Mereka mula masuk ke laluan tersebut.

Tiba-tiba musuh menyerang mereka dari atas bukit di kiri kanan mereka. Mustahil!

Rupa-rupanya kumpulan penyerang sempadan tadi hanyalah umpan. Tujuan sebenar mereka adalah untuk memancing tentera Islam mengejar mereka hingga ke sini. Rakan-rakan mereka sudah menunggu.

Dalam masa yang sama musuh yang bersedia di situ membakar sesuatu yang menghasilkan sejenis bau. Bau itu yang sangat tidak disukai unta! Unta-unta pasukan Abu Bakar bertukar liar. Itulah tujuan mereka.

Abu Bakar dan para sahabat tidak dapat lagi mengawal unta masing-masing. Lalu mereka bertindak berpaut rapat pada unta masing-masing. Biarkan unta melarikan diri ke mana sahaja. Barangkali Abu Bakar yang arahkan buat begitu.

Unta-unta itu bertempiaran keluar dari laluan itu. Keluar dari situ, unta-unta lari ke semua arah. Mujur tidak ada seorang sahabat pun yang terjatuh dari unta. Mereka dibawa jauh oleh unta masing-masing.

Pasukan Abu Bakar berselerakan!

Pertembungan antara dua pihak pada malam itu berakhir di situ. Musuh bersorak meraikan kemenangan. Tentera Madinah rupa-rupanya pengecut! Belum apa-apa sudah bertempiaran lari.

Kemudian musuh segera menghantar laporan kejayaan kepada Hibal yang sedang berkhemah di Zu Husa. Hibal gembira.

Pada malam itu juga Hibal membawa baki askarnya ke Zul Qissah. Hibal mahu berada lebih dekat dengan Madinah.


Sampai di sana, mereka berpesta meraikan kemenangan. Sudah terbayang-bayang di mata mereka Madinah yang pasti rebah. Hibal berkira-kira untuk melancarkan serangan terhadap Madinah tanpa menunggu ketibaan abangnya.

Dia yakin bahawa cukup dengan tenteranya sahaja, dia boleh merebahkan Madinah!



Garis masa yang menyusun maklumat secara kronologi dapat meningkatkan kefahaman tentang perjalanan suatu sejarah serta perkembangan dan hubung kaitan antara peristiwa dalamnya.

1 Garis masa *Madinah Takkan Rebah* setakat ini



- Isteri Nabi, Fatimah dan Abbas tuntut harta pusaka Nabi. Abu Bakar tidak dapat penuhi. Fatimah terasa hati.
- Pemberontakan di seluruh Semenanjung Arab. Hanya tiga kota yang kekal; Madinah, Makkah dan Taif, selain beberapa kabilah dan individu sahaja.
- Bani Asad dan Ghatafan berbaiah dengan nabi Tulaihah.
- Bani Hanifah berbaiah dengan nabi Musailimah.
- Oman berbaiah dengan nabi Laqit.
- Bahrain tarik baiah daripada Madinah.
- Yaman mengikut kepimpinan Aswad al-Ansi.
- Kabilah-kabilah Arab di sana-sini enggan lagi bersama Madinah, enggan lagi menyerahkan zakat.
- Tulaihah mula melancarkan rencana menawan Madinah.

  Sebahagian tentera ditempatkan di Rabazah, di luar Madinah. Rombongan perisik musuh datang ke Madinah.
- Abu Bakar menghidu rencana.

  Dia gerakkan enam pasukan pengawal sempadan, arahkan warga Madinah lelaki tidur di masjid dan memohon bantuan daripada beberapa kabilah luar.
- Askar bantuan tiba di Madinah.
- Selepas tiga malam, musuh menyerang. Berlaku pertempuran di salah satu pintu sempadan. Serangan berjaya dipatahkan.

7 Garis Masa Fatimah bersama Nabi

28 sh	• Nabi 35 tahun. Fatimah lahir.
13 sh	• Nabi 40 tahun. Fatimah 5 tahun. Nabi mula menjadi rasul.
7 sh	• Nabi 44 tahun. Fatimah 9 tahun. Berpisah dengan kakaknya Ruqayyah yang berhijrah ke Habsyah.
5 sh	• Nabi 46 tahun. Fatimah 11 tahun. Pemulauan Bani Hasyim selama 3 tahun. Ibunya jatuh sakit.
3 sh	• Nabi 50 tahun. Fatimah 15 tahun. Ibunya meninggal dunia.
1 h	• Fatimah 18 tahun. Fatimah berhijrah bersama-sama Ummu Kultsum, Ummu Aiman dan keluarga Abu Bakar.
2 h	• Fatimah 19 tahun. Bernikah dengan Ali. Pada awalnya tinggal jauh dengan Nabi, kemudian dapat tinggal dekat. • Kakaknya Ruqayah wafat pada usia 22 tahun.